

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.4 (45)

25 April 2017
28 Rejab 1438

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 12/2017

PEMAKAIAN SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3/2016 KELAYAKAN SIJIL MATRIKULASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BAGI TUJUAN PELANTIKAN KE DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 91 bertarikh 8 Mac 2017 telah meluluskan pemakaian Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/2016 Kelayakan Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia Bagi Tujuan Pelantikan ke Dalam Perkhidmatan Awam.


2. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/2016 menjelaskan mengenai kelayakan Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kerajaan telah bersetuju supaya pelajar lulusan Program Matrikulasi KPM yang dianugerahkan Sijil Matrikulasi KPM diberi peluang untuk memohon berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam. Sehubungan itu, peringkat kemasukan bagi pemegang kelayakan Sijil Matrikulasi KPM ke dalam Perkhidmatan Awam ditetapkan pada Gred 29 dalam skim perkhidmatan berkaitan. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2017.

3. Sehubungan itu, semua staf diminta mengambil maklum mengenai pemakaian pekeling berkenaan dan maklumat lanjut berhubung pekeling ini bolehlah merujuk kepada Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar.

Sekian, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang benar,



(DATO' WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

No. Siri Dokumen: 20170427202